

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
25 JULAI 2014**

1. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL KEDUA 2014

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa bil cukai taksiran untuk Penggal Kedua 2014 telah mula diterima oleh semua pemilik premis di Seberang Perai mulai 25 Jun 2014 dan pembayaran perlu dibuat **segera** sebelum 31 Ogos 2014.

Untuk makluman, bulan Julai dan Ogos setiap tahun merupakan bulan untuk membayar cukai taksiran. Bagi pemilik premis yang belum menerima bil cukai taksiran, dinasihatkan supaya terus ke kaunter bayaran MPSP untuk membuat semakan tanpa menunggu bil.

Semakan dan bayaran boleh dibuat di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi di talian 04-5497470/471/696/697/468 atau e-mail ke waran@mpsp.gov.my.

2. PENUTUPAN KAUNTER BERPUSAT PADA 26 - 29 JULAI 2014 (SABTU - SELASA) SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI

Dimaklumkan, sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, operasi perkhidmatan Kaunter Berpusat MPSP akan ditutup pada **26 - 29 Julai 2014 (Sabtu - Selasa)**. Kepada semua pelanggan dan stakeholders yang berhasrat untuk membuat bayaran cukai taksiran, bayaran boleh dibuat melalui perkhidmatan secara *online* melalui Laman Web MPSP di <http://www.mpsp.gov.my>. Perkhidmatan Kaunter Berpusat akan beroperasi semula pada 30 Julai 2014 (Rabu). Sekian harap maklum.

3. JADUAL KUTIPAN SAMPAH SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI 2014

Adalah dimaklumkan bahawa jadual kutipan sampah akan mengalami sedikit perubahan sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2014. Perubahan jadual kutipan akan berlaku pada 27 dan 28 Julai 2014 dengan ketetapan berikut ;

- i. Pada 27.07.2014 kutipan akan dibuat sebanyak dua (2) kali iaitu pada syif pertama dari 7.00pagi - 4.00 petang dan syif kedua pada 5.00 petang hingga 12.00 malam. Bagi mana-mana individu yang hendak melupuskan sampah pukal, sila pastikan ianya diletakkan di tong / berhampiran tong CU atau tong MGB yang terdapat di tepi-tepi jalan utama agar kutipan dapat dijalankan mengikut jadual.
- ii. Pada 28.07.2014 (Hari Raya Pertama) kutipan sampah mengikut jadual A dan C akan dimulakan mulai jam 2.00 petang hingga 12.00 malam. Perubahan waktu kutipan ini bagi memberi ruang kepada pekerja yang beragama Islam samada di MPSP, Stesen Pemindahan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung menunaikan Solat Hari Raya Aidil Fitri.

| Tarikh | Waktu | Catatan |
|-----------------------|-------------------------|--|
| 26.07.2014 (Sabtu) | 7.00 pg – 4.00 ptg | Jadual Biasa (B) |
| 27.07.14 (Ahad) | 7.00 pg – 4.00 ptg | Jadual Biasa (C) |
| | 5.00 ptg – 12.00 mlm | Jadual Tambahan (kutipan dari tong CU dan RORO) |
| 28.07.14 (Isnin) | 2.00 ptg – 12.00 mlm | Jadual Pindaan (A/C) |
| 29.07.14 (Selasa) | 7.00 pg – 4.00 ptg | Jadual Biasa (B/C) |

Nota : Jadual A : Isnin , Rabu , Jumaat
Jadual B : Selasa , Khamis, Sabtu
Jadual C : Ahad

Senarai Pegawai Bertugas;

Penyelaras :

PPKP Puan Rajeshwary a/p Subramany - 011-12192708

| KAWASAN | NAMA PEGAWAI | NO.TELEFON |
|------------------------|----------------------------------|------------------|
| Depo Kepala Batas | PPKP Rajeshwary a/p Subramany | 011- 12192708 |
| Depo Tasek Gelugor | PKA Ahmad Bin Abd Rahman | 012-4750523 |
| Depo Bagan | PKA Kumar a/l Packiry | 012-4740519 |
| Depo Permatang Pauh | PKA Sukan Raj a/l Ravandar | 014-6036778 |
| Depo Berapit | PKA Murugiah a/l Muniandy | 012-4984545 |
| Depo Jalan Betik | PKA Awaluddin Bin Mustafa | 012-4677354 |
| Depo Asas Murni | PPKP Mohd Yusran Mohd Yunus | 019-5729556 |
| Depo Jawi | PKA Ho Kun Thong | 019-4528583 |

4. SOAL SELIDIK MENGENAI LARANGAN WARGA ASING BEKERJA SEBAGAI TUKANG MASAK DI GERAI DAN KOMPLEKS PENJAJA

Majlis akan menjalankan soal selidik yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan umum mengenai cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan "Larangan Warga Asing Bekerja Sebagai Tukang Masak Di Gerai-Gerai Penjaja Dan Kompleks Makanan Di Pulau Pinang"

Soal selidik ini akan diedarkan kepada orang ramai di gerai-gerai penjaja dan kompleks makanan di Pulau Pinang serta di laman web MPSP bermula hari ini, 25 Julai 2014. Seterusnya hasil soal selidik ini akan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi membuat keputusan terhadap cadangan larangan warga asing bekerja sebagai tukang masak di gerai-gerai penjaja dan kompleks makanan di Pulau Pinang.

5. ANUGERAH KEPADA MPSP OLEH EUROPE BUSINESS ASSEMBLY

Sukacita dimaklumkan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima Best City Award dan Best City Manager Award yang

disampaikan oleh Europe Business Assembly - Stresa, Italy pada 2 Julai 2014.

Pada masa yang sama, melalui undian internet MPSP telah terpilih sebagai pemenang International Contest 'Star Of Health, Wellness and Tourism' bagi kategori - Best Holiday Destination/Resort. MPSP juga telah terpilih ke peringkat akhir bagi kategori – Top Medical/Travel/Hospitality Web-Site di dalam pertandingan tersebut. Anugerah-anugerah yang diterima ini menunjukkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai komited dalam usaha menaikkan nama MPSP di peringkat antarabangsa.

6. ANUGERAH THE INTERNATIONAL OBSERVATORY PARTICIPATORY DEMOCRACY (IOPD) WITH A SPECIAL MENTION OF THE INTERNATIONAL JURY OF THE IOPD 8TH YEAR “BEST PRACTICE IN CITIZEN PARTICIPATION”

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima Anugerah International Observatory on Participatory Democracy With A Special Mention of the International Jury of the IOPD 8th Year “Best Practice In Citizen Participation” pada 4 Jun 2014 yang lalu di Canoas, Brazil. Anugerah ini juga turut diterima oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Pembangunan Wanita

Pulau Pinang (Penang Women's Development Corporation – PWDC).

7. YOUTH EXCHANGE PROGRAMME ANTARA MPSP DAN BANDAR METROPOLITAN GWANGJU, KOREA

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menandatangani Memorandum Persahabatan Bersama Bandar Metropolitan Gwangju, Korea pada 17 Mei 2013. Sehubungan dengan itu, satu program bersama telah dirancang dan ianya dikenali sebagai " Youth Exchange Programme" bermula daripada 25 hingga 30 Ogos 2014. MPSP akan menerima seramai 14 orang pelajar dan 4 orang guru dan pegawai daripada bandar tersebut. Objektif lawatan adalah untuk bertukar pendapat dan idea mengenai program-program berkaitan hal ehwal pendidikan di sekolah, program kehijauan yang dilaksanakan oleh MPSP bersama Insititusi pendidikan melalui Local Action 21 disamping mengenali tempat-tempat menarik dan bersejarah di Seberang Perai.

8. IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN MPSP

Majlis akan mengiklankan kekosongan jawatan pada 10 Ogos 2014 . Iklan akan disiarkan melalui akhbar Sinar Harian, The Star, Kwong Wah Yit Poh, Malaysian Nanban dan Buletin Mutiara serta laman web MPSP. Kekosongan jawatan yang akan diiklan adalah Pegawai Perubatan Gred UD48 (1 kekosongan), Pegawai Veterinar Gred G41 (1 kekosongan), Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 (9 kekosongan) dan Pembantu Penguatkuasa (Kontrak) Gred N17 (70 kekosongan). Semua permohonan adalah melalui Sistem e-Jawatan MPSP sahaja.

9. PEGAWAI BARU BERJAWATAN KONTRAK KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Sebagai makluman, MPSP telah melantik seorang Pegawai Pengurusan & Profesional ke jawatan kontrak pada 16 Julai 2014 di dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Pegawai tersebut, adalah Encik Mohammad Aidil Bin Samsuri, Pegawai Tadbir N41 yang ditugaskan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

10. GUANG MING WELLNESS TOUR & MERDEKA SPORT CARNIVAL 2014

MPSP dengan kerjasama Malaysian Red Crescent Central Seberang Perai Chapter berserta Kerajaan Negeri dan Majlis Sukan Negeri akan mengadakan program GUANG MING WELLNESS TOUR & MERDEKA SPORT CARNIVAL 2014 pada 7 September 2014 (Ahad) bermula jam 6.30 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Ng Yam Huat Hall Bukit Mertajam. Program ini adalah untuk menggalakkan gaya hidup sihat melalui sukan sempena sambutan kemerdekaan Malaysia ke-57 tahun. Antara aktiviti yang akan dijalankan termasuk Kayuhan Basikal 30 km (Category A), Competitive Run 10km (Category B,C,D,E,F,G) dan Fun Run 4km (Category H). Program ini juga adalah untuk mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan ilmu pertolongan cemas di samping mengumpul sumbangan untuk meneruskan kerja-kerja kemanusiaan dan latihan pertolongan cemas dan perkhidmatan yang dihulurkan kepada masyarakat tempatan. Selain itu, terdapat juga aktiviti-aktiviti seperti Health Talk, Free spine & joint checking, Tai Chi Exercise, Zumba Fitness Party, Line Dance, Health Exhibitions, Free treatment of Chinese Medicine, Medical Health Screening, Charity Booths, Healthy Food Stall, Children Colouring Contest, Free Gift Exchange,

Lucky Draw. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut menjayakan program tersebut.

11. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada 10 Ogos 2014 (Ahad). Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 17 Ogos 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 24 Ogos 2014 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

12. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI

Kesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua umat Islam yang akan disambut pada 28 Julai 2014 (Isnin). Saya berharap agar warga Seberang Perai dan semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai berhati-hati semasa memandu kenderaan pulang ke kampung halaman, patuhi peraturan dan waktu perjalanan yang telah ditetapkan oleh Plus bagi mengelakkan kesesakan

lalulintas. Selamat bercuti dan pastikan rumah kediaman dikunci dengan sempurna bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

SEKIAN, TERIMA KASIH.